

D169

B B754 AAB

MAHATHIR - KOMANWEL R R R

(I)

DARIPADA ABDUL RAHMAN SULAIMAN

LONDON, 23 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BELIAU MASIH BELUM MEMBUAT KEPUTUSAN SAMA ADA AKAN MENGHADIRI MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN NEGARA KOMANWEL YANG AKAN DATANG.

MESYUARAT ITU DIJADUALKAN BERLANGSUNG DI VANCOUVER PADA OKTOBER DEPAN.

PERDANA MENTERI BERKATA WALAUPUN BELIAU DIBERITAHU BAHAWA ADA BAIKNYA KALAU BELIAU HADIR, BELIAU MASIH BELUM DAPAT MENYATAKAN KEPUTUSANNYA DENGAN TEPAT.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERITAHU PERSIDANGAN AKHBAR DI PERSATUAN WARTAWAN LUAR NEGERI DI SINI MALAM TADI BAHAWA WALAUPUN APAPUN KEMUNGKINANNYA, MALAYSIA TETAP AKAN DIWAKILI DALAM MESYUARAT ITU.

+SAYA BELUM MEMBUAT KEPUTUSAN SAMA ADA SAYA AKAN KE VANCOUVER ATAU SEBALIKNYA. TETAPI MALAYSIA AKAN DIWAKILI, PADA PERENGKAT APA, TIDAKLAH SAYA TAHU. DAN JIKA SAYA RASA ADA BAIKNYA SAYA PERGI, SAYA AKAN PERGI.+

SEBELUM INI MALAYSIA DILAPORKAN TIDAK BEGITU BERMINAT UNTUK MENYERTAI MESYUARAT ITU KERANA NEGARA ITU TIDAK BERPUAS HATI DENGAN DASAR BRITAIN TERHADAP REGIM AFRIKA SELATAN. -- LAGI.

2119MST 23 07 87

D179

B B757 AAB

MAHATHIR - KOMANWEL 2 LONDON R R R

(I)

DALAM UCAPANNYA DI MAJLIS MAKAN MALAM BAGI MERAIKAN DATUK SERI DR. MAHATHIR OLEH RAKAN SEJAWATANNYA DI BRITAIN, PUAN MARGARET THATCHER DI NO. 10 DOWNING STREET TIGA HARI LALU, PERDANA MENTERI BRITAIN ITU MERAYU DATUK SERI DR MAHATHIR SUPAYA MENGHADIRI MESYUARAT ITU KERANA MALAYSIA AKAN DAPAT MENYUARAKAN PENDAPATNYA MENGENAI BEBERAPA ISU YANG DIPERJUANGKANNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MALAM TADI: +KAMI MASIH LAGI BERPEGANG KEPADA PENDAPAT KAMI TENTANG FUNGSI KOMANWEL. KUMPULAN ITU HENDAKLAH BERFUNGSI DAN MENGELUARKAN HASILNYA.+

+KADANG-KADANG NAMPAKNYA NEGARA MISKIN ATAU NEGARA YANG LEMAH TIDAK DIHIRAUKAN. BEBERAPA NEGARA NAMPAKNYA MENGUASAI KUMPULAN ITU.

+INI, SAYA RASA, TIDAK KENA, KERANA KITA SEPATUTNYA BERKONGSI KEKAYAAN BERSAMA YANG SEPATUTNYA KITA MILIKI.

+TETAPI SUDAH TENTULAH KEKAYAAN ITU DIPEROLEHI OLEH LEBIH BANYAK ORANG KAYA DARIPADA OLEH ORANG MISKIN SEPERTI KAMI.+

PERDANA MENTERI BERKATA SEKURANG-KURANGNYA KOMANWEL HENDAKLAH MELAKUKAN USAHA UNTUK MENUNJUKKAN BAHAWA NEGARA-NEGARA MISKIN JUGA DIBERIKAN PERHATIAN YANG SAMA DENGAN YANG LAIN SEBAGAI ANGGOTA KUMPULAN ITU.

APA YANG BELIAU DAPATI SEKARANG IALAH NEGARA MISKIN TIDAK DIHIRAUKAN SEDANGKAN NEGARA-NEGARA KAYA MEMBUAT KEPUTUSAN TANPA MENGAMBIL KIRA NEGARA MISKIN SEBAGAIMANA YANG SEPATUTNYA. -- LAGI.

2139MST 23 07 87

D186

B B759 AAB

MAHATHIR - KOMANWEL 3 LONDON R R R

(I)

PERDANA MENTERI YANG DALAM LAWATAN ENAM HARI KE BRITAIN JUGA MENJAWAB SOALAN-SOALAN MENGENAI AFGHANISTAN, KAMPUCHEA, PERTIKAIAN ASIA BARAT, HUBUNGAN MALAYSIA-BRITAIN DAN PELBAGAI PERKARA LAGI PADA PERSIDANGAN AKHBAR ITU YANG DIHADIRI OLEH PARA WARTAWAN LUAR NEGERI DAN PERSATUAN AKHBAR KOMANWEL.

MENGENAI KAMPUCHEA, BELIAU BERKATA BELIAU BERHARAP PARA PEMIMPIN SOVIET UNION AKAN FAHAM SEDIKIT KALAU PUN TIDAK BERSIMPATI DENGAN KEDUDUKAN MALAYSIA BERKAITAN DENGAN KAMPUCHEA APABILA BELIAU MENGEMUKAKAN PERKARA ITU KEPADA MEREKA DALAM LAWATANNYA YANG AKAN DATANG KE MOSCOW.

KATANYA APA YANG DAPAT DILAKUKAN OLEH SOVIET UNION UNTUK MEMBANTU MENYELESAIKAN MASALAH ITU IALAH MEMPENGARUHI VIETNAM SUPAYA MENERIMA HAKIKAT TENTANG PERLUNYA PENYELESAIAN MELALUI RUNDINGAN.

+SAYA RASA SAYA INGIN SOVIET MELAKUKAN PERKARA ITU DAN SAYA BERPENDAPAT MEREKA AKAN MEMBALASNYA.+

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU BERPENDAPAT MOSCOW INGIN BERUNDUR DARI AFGHANISTAN JIKA FORMULA YANG BOLEH DITERIMANYA DAPAT DIWUJUDKAN.

KATANYA MALAYSIA MELIHAT PERUBAHAN SECARA UMUM PADA SIKAP SOVIET UNION MENGENAI ISU KAMPUCHEA SEJAK KEPIMPINAN GORBACHEV.

+KALAU PENILAIAN KAMI TIDAK SALAH, SOVIET UNION INGIN KELUAR DARI AFGHANISTAN JIKA SATU FORMULA DITEMUI.+ -- LAGI.

2149MST 23 07 87

D194

B B764 AAB

MAHATHIR - KOMANWEL 4 LONDON R R R

(I)

KETIKA MENGULAS TENTANG KETETAPAN MAJLIS KESELAMATAN BANGSA-BANGSA BERSATU UNTUK MENAMATKAN PERANG TELUK, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA KEPUTUSAN ITU SEPATUTNYA DIBUAT LAMA DAHULU.

TINDAKAN KUASA-KUASA BESAR MERUJUK KEPADA BANGSA-BANGSA BERSATU MERUPAKAN SATU TANDA BAIK YANG MENUNJUKKAN BAHAWA DUNIA SEDANG KEMBALI KEPADA KONSEP PELBAGAI HALA.

BELIAU BERKATA PEPERANGAN ITU MERUPAKAN SATU PEMBAZIRAN YANG BESAR DAN TIDAK AKAN MENDATANGKAN APA-APA FAEDAH KEPADA SESIAPA.

DATUK BERI DR MAHATHIR BERBETUJU BAHAWA SATU-SATUNYA CARA UNTUK MENEMATKAN PERANG ITU IALAH DENGAN MENGHENTIKAN BEKALAN SENJATA KEPADA PIHAK-PIHAK YANG TERBABIT.

+SUDAH TENTU IRAN DAN IRAQ TIDAK MEMBUAT SENJATA SENDIRI. MEREKA MEMBELINYA.+

BAGI MALAYSIA, IA TELAH CUBA SEDAYA UPAYANYA SEBAGAI ANGGOTA JAWATANKUASA KEAMANAN ISLAM UNTUK MENYELESAIKAN ISU ITU TETAPI GAGAL.

+PADA SATU SEGI KAMI GAGAL, DEMIKIAN JUGA YANG LAIN DALAM USAHA MEREKA HENDAK MENAMATKAN PERANG ITU.

+TETAPI SAYA RASA MASIH ADA HARAPAN. JIKA KUASA-KUASA BESAR -- KUASA-KUSA SUPER -- MEMATUHI PERSETUJUAN ITU SENGAN SEBENAR-BENARNYA, DAN MEREKA BOLEH MELAKUKANNYA, MAKA KEDUA-DUA PIHAK YANG BERPERANG ITU TIDAK AKAN MENDAPAT BEKALAN SENJATA LAGI.

+KETIKA ITU MEREKA AKAN KEMBALI BERFIKIR DENGAN BIJAKSANA DAN SUDAH PASTILAH MEREKA AKAN BERUNDING DAN MENENTUKAN SEMPADAN MASING-MASING.+ -- LAGI.

2207MST 23 07 87

D198

B B767 AAB

MAHATHIR - KOMANWEL 5 LONDON R R R

(I)

DITANYA SAMA ADA MALAYSIA MENYOKONG LARANGAN PERDAGANGAN SENJATA, BELIAU BERKATA MALAYSIA MENYOKONG LANGKAH SEPERTI ITU JIKA IA TIDAK MENGAKIBATKAN SESUATU PIHAK MENJADI BEGITU LEMAH SEHINGGA PIHAK YANG SATU LAGI BOLEH MENCEROBOH DAN MENGUASAINYA.

+KITA BUKAN SAHAJA MEMIKIRKAN TENTANG MENGURANGKAN PENGALIRAN SEJATA KE KAWASAN ITU, KITA JUGA MEMIKIRKAN TENTANG PENYELESAIAN YANG ADIL KEPADA MASALAH ITU: IAITU IRAN TIDAK SEHARUSNYA MENGAMBIL WILAYAH IRAQ DAN IRAQ PULA TIDAK SEHARUSNYA MENGAMBIL MANA-MANA WILAYAH IRAN,+ KATANYA. -- BERNAMA.

2213MST 23 07 87